

Ada pemilik sewakan rumah PPR

DEWAN RAKYAT


- PBT perlu laksana bancian
- Ambil tindakan tegas terhadap penyewa 'licik'

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan bancian bagi mengatasi kegiatan pemilik rumah perumahan awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang bertindak menyewakan rumah mereka kepada pihak lain bagi mendapatkan keuntungan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, bancian secara berkala perlu dibuat untuk memastikan rumah yang disediakan oleh PBT benar-benar diberikan kepada mereka yang mahu sama ada menyewa atau memiliki.

"Jikalau kita dapati penyewa itu memberikan sewaan kepada orang lain, kita akan mengambil tindakan tegas kepada penyewa itu," katanya di Dewan Rakyat di



PBT diminta melakukan bancian terhadap pemilik PA dan PPR bagi mengelakkan mereka menyewakan rumah. – GAMBAR HIASAN

sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (**PH-Bandar Tun Razak**) mengenai rumah mampu milik yang disediakan disalahgunakan bagi mendapatkan keuntungan.

Dr. Zaliha memaklumkan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menyasarkan pembinaan 80,000 unit rumah mampu milik

dalam tempoh 10 tahun mulai 2018 hingga 2028 menerusi Program Residensi Wilayah dan Residensi MADANI.

"Sehingga 31 Januari 2025, sebanyak 72,864 unit melibatkan 101 projek perumahan mampu milik di Wilayah Persekutuan merangkumi projek yang telah siap, dalam pembinaan dan telah mendapat Perintah Pembangunan atau *Development Order* (DO)

telah disediakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Ini termasuklah 5,015 unit Residensi Putrajaya terdiri daripada Residensi Madani dan Residensi Wilayah yang telah dilancarkan Perdana Menteri pada 28 Oktober 2024 di Putrajaya," katanya.

Katanya, Residensi Madani dan Residensi Wilayah ini dijangka siap dibina pada 2027 hingga 2028.

"Berdasarkan data tersebut,

suka untuk saya maklumkan bahawa kita telah berjaya mencapai 91 peratus daripada sasaran yang ditetapkan dalam menyediakan rumah mampu milik khususnya bagi warga di Wilayah Persekutuan bagi tempoh 10 tahun.

"Saya percaya baki lebih kurang 7,000 unit lagi akan dapat kita capai dalam tempoh berbaki tiga tahun lagi," katanya.

Katanya, selain itu, di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) yang telah diwartakan pada 19 Oktober 2023 dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (DPTKL2040), sebanyak 139 tapak dengan keluasan 1228.96 hektar (3,036.81 ekar) juga telah dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk pembangunan semula.

"Sehingga 31 Januari 2025, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima 28 permohonan daripada pihak pemaaju melibatkan pembangunan semula perumahan lama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Menerusi pembangunan semula ini, kerajaan bukan sahaja menyediakan rumah gantian kepada penduduk yang terlibat, tetapi ini juga akan melibatkan tambahan kepada pembangunan rumah mampu milik sedia ada di Wilayah Persekutuan," katanya.

Kosmo! pada 5 Februari lalu melaporkan, terdapat penyewa di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya, Selangor mempunyai tunggakan sewa sejak 10 tahun lalu.